

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	27 JAN 2015

# Penghormatan untuk negara

» Najib rasmi Pusat Sains Razak Malvern College di London

Zaharah Othman

Malvern



• ^ e n g h o r m a t a n i n i bukan hanya untuk saya dan keluarga tetapi seluruh rakyat Malaysia".

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata demikian ketika berucap merasmikan Pusat Sains Razak Malvern College, Worcestershire di sini, yang turut dihadiri adik beliau, Datuk Ahmad Jobari serta kakitangan, bekas guru dan rakan sekelasnya, semalam.

Najib dan Jobari yang juga alumni kolej itu, turut menaruk tirai yang menampilkan plak bertulis: "Bangunan ini meraikan keakraban hubungan antara keluarga Razak".

Najib melanjutkan pengajiannya di kolej itu selama empat tahun dari tahun 1968 hingga tahun 1971, manakala Jobari menyusul pada tahun 1969 hingga tahun 1972.



Najib bergambar kenangan bersama rakan asramanya ketika melanjutkan pelajaran di Malvern College dari tahun 1968 hingga tahun 1971 pada perasmian Pusat Sains Razak Malvern College di Worcestershire, London, semalam. [FOTO BERNAMA]

Dua anak lelaki Johari turut mengikut jejak langkah bapa mereka.

Najib menyampaikan ucapan-tama di Dewan Kuhah pusat sains baharu yang dilengkapi 140 tempat duduk dan 18 makmal serba canggih.

Imbas kenangan Menerusi ucapan diwarnai jenaka dan mengimbau kenangan empat tahun sebagai penuntut kolej itu, Perdana Menteri berkongsi pengalaman sebagai remaja pemalu berusia 14 tahun yang risau sama ada dapat bertahan dalam cuaca dingin.

Beliau menghabiskan seba-

hagian besar usia penting kehidupannya di kolej yang turut melahirkan tokoh ternama seperti Perdana Menteri Persekutuan Rhodesia, Viscount Malvern; pengarang *The Chronicles of Narnia*, C S Lewis.

Najib yang tiba di United Kingdom dari Riyadh selepas memberi penghormatan kemangkatan Raja Abdullah Abdul Aziz, kelmarin, melawat kolej itu bersama Johari dengan diiringi Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke United Kingdom dan Eire, Datuk Ahmad Rasidi Hazizi.

Perdana Menteri turut menceritakan alasan di sebalik keputusan bapanya, Allahyar-

ham Tun Abdul Razak Hussein, menghantar beliau melanjutkan pelajaran ke luar negara.

"Almarhum bapa tidak mahu saya belajar di tanah air dan mendapat layanan istimewa. Beliau juga tidak mahu saya hanyut dengan keseronokan di London. Itu sebabnya saya dihantar ke Malvern.

"Hari ini, saya selesa berbual dengan (Presiden AS), Barack Obama, (Perdana Menteri Britain), David Cameron atau (Presiden China), Xi Jinping seperti mana saya selesa duduk di masjid bersama rakyat atau makan bersama warga tua di rumah panjang," katanya.